

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

BBT 205/3 - Biologi Rumpai

Masa : [3 jam]

---

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

---

1. Dengan kawalan dan pengurusan rumpai yang baik dan berkesan, Malaysia telah dapat menghasilkan getah yang bermutu tinggi. Jelaskan dengan terperinci bagaimana spesies-spesies rumpai dikawal di ladang getah dengan menggunakan jenis-jenis racun rumpai tertentu.

(20 markah)
  
2. Terdapat dua spesies rumpai akuatik yang sangat noksius dan tersebar meluas di seluruh dunia.
  - (i) Namakan satu spesies rumpai noksius yang terendam dan satu yang terapung.

(5 markah)
  - (ii) Bandingkan kitar hidup kedua-dua spesies rumpai yang dinamakan di atas, serta kaedah pengawalan spesies-spesies tersebut.

(15 markah)
  
3. Sambau (*Echinochloa crus-galli*) merupakan rumpai yang boleh mengurangkan hasil padi di kawasan tanaman padi tabur terus. Dengan gambarajah yang sesuai jelaskan masa genting ('critical period') persaingan rumpai ini dengan padi (*Oryza sativa*) sehingga menjejaskan hasil padi 100%.

(20 markah)
  
4.
  - (i) Jelaskan **tiga** (3) cara tindakan racun rumpai.

(10 markah)
  - (ii) Berikan contoh-contoh spesies rumpai yang boleh dikawal untuk setiap cara tindakan racun rumpai di atas.

(5 markah)
  - (iii) Namakan jenis-jenis racun rumpai bagi setiap cara tindakan racun di atas.

(5 markah)

5. Pengurusan rumpai bersepadu ('Integrated Weed Management'; IWM) telah banyak digunakan di agroekosistem. Jelaskan maksud kawalan rumpai bersepadu dan bagaimana ia dijalankan di agroekosistem sawah padi.

(20 markah)

6. Dengan berpandukan "Harris's Scoring Point", jelaskan dengan terperinci bagaimana *Salvinia molesta* dapat dikawal dengan berkesan di Papua New Guinea dan Sri Lanka.

(20 markah)

- oooOooo -

[mirrored text]